

Bomba Selangor salur bantuan air kepada penduduk

SHAHALAM - Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor menyalurkan bantuan air kepada penduduk di Seksyen 17 yang terjejas ekoran masalah bekalan yang dialami sejak 6 Mac lalu.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Tan Sri Noh Omar berkata, pihaknya sudah mengarahkan sebanyak empat lori tangki air digerakkan ke kawasan tersebut bagi membantu meringankan permasalahan yang dihadapi masyarakat di sana.

"Hari ini kita bawa empat buah lori tangki air yang mana setiap satu mengandungi kira-

kira 20 liter air untuk disalurkan kepada penduduk di sini," katanya kepada pemberita selepas memantau agihan air di kawasan itu.

Sehubungan itu, Noh memaklumkan bahawa pihaknya juga meminta pasukan bomba untuk memberi keutamaan di kawasan-kawasan awam seperti sekolah, hospital dan institusi pengajian yang memerlukan bekalan air.

"Saya juga turut minta bantuan dari Bomba Pahang dan Melaka untuk menghantar tangki air. Kita juga akan lihat bagaimana kita dapat membantu menyelesaikan masalah air ini," katanya.



Noh membantu menyalurkan air kepada penduduk.